

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2015-2016  
DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi		
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>						
<b>JABATAN KERJA RAYA</b>						
<b>JABATAN JALAN RAYA</b>						
1	Memperbaiki Proses Pengendalian Permohonan Orang Ramai Bagi Kemajuan Tanah		✓		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi mendokong salah satu hasrat Wawasan Negara 2035 iaitu Kehidupan Rakyat yang Berkualiti Tinggi dan salah satu strategi Wawasan 2035 iaitu Strategi Jaminan Sosial</li> <li>• Mengatasi permohonan daripada hilang / tercicir disebabkan tersalah letak</li> <li>• Menambahbaik serta mempercepatkan aliran proses permohonan tanpa gangguan.</li> </ul>	Peranan Bahagian Perancangan dan Pembinaan Jalan Raya bukan sahaja terhad kepada perancangan dan melaksanakan pembinaan aset infrastruktur jalan raya di negara ini malahan ianya juga termasuk mengawal kemajuan tanah diantaranya proses pemecahan tanah, memastikan tapak kemajuan tidak terlibat dengan projek-projek kerajaan, meneliti permohonan cadangan jalan-jalan laluan yang dihadapkan oleh pihak persendirian dan swasta. Didalam proses pengendalian permohonan yang bermula daripada penerimaan oleh penyambut tetamu, pengagihan kepada pegawai yang tertentu untuk penelitian, pengesahan oleh Ketua Bahagian dan seterusnya kebenaran daripada pengarah. Untuk mengelakkan berlakunya tersalah letak (misplace), seorang kakitangan Unit Kawalan Kemajuan telah ditugaskan untuk mengambil dan menghantar persuratan serta menempatkan tray yang dikhususkan bagi setiap permohonan pemecahan tanah dan kemajuan tanah.
2	Penempatan dan Pertukaran Pegawai dan Kakitangan di Unit-Unit di Bahagian Pengurusan dan Pemeliharaan Jalan Raya, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya		✓		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi mendokong hasrat negara untuk mencapai wawasan Negara 2035 dengan menumpukan kepada pembaikan organisasi Jabatan bagi mencapai matlamat dan peranan-peranan Jabatan</li> <li>• Mempertingkatkan mutu kerja pegawai dan kakitangan dan Jabatan keseluruhannya</li> <li>• Memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan Jabatan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka di setiap unit dengan bukan hanya ditempatkan dan bertugas di satu unit sahaja di sepanjang perkhidmatan mereka.</li> </ul>	Peranan Bahagian Pengurusan dan Pemeliharaan Jalan Raya adalah untuk merancang, mengurus dan memelihara rangkaian aset infrastruktur jalan raya dan jambatan serta memastikan keselamatan para pengguna jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Bagi memastikan pencapaian bagi pelaksanaan peranan-peranan ini dengan baik, Bahagian ini hendaklah mempunyai organisasi dan kakitangan yang berkebolehan. Antara usaha Bahagian ini dalam memperbaiki organisasi ialah dengan menukar dan menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian diantara Unit-unit mengikut kelayakan dan kebolehan dari masa ke semasa, agar mereka dapat menimba pengalaman, pengetahuan, kemahiran secara menyeluruh supaya mereka mampu saling faham - memahami akan tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan.
<b>JABATAN TANAH</b>						
3	INTEGRASI PERKHIDMATAN-Land Management System (LMS)		✓		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <p>Modern modular customer relationships management system will expedite the complex Land Management processes and improve collaboration</p>	<p>LMS adalah satu sistem permohonan tanah secara online yang telah dibangunkan bagi memproses permohonan tanah dan membolehkan orang ramai mengakses secara online untuk menghadapkan permohonan dan mereka boleh mengetahui status kedudukan permohonan tanpa perlu hadir ke Jabatan Tanah. Sistem ini telahpun dilancarkan dan digunakan mulai 16hb Februari 2016.</p> <p>Permohonan-permohonan tanah yang boleh dihadapkan melalui permohonan atas talian [online applications] melalui sesawang <a href="https://Laris.gov.bn">https://Laris.gov.bn</a> adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan pindah milik tanah;</li> <li>2. Permohonan tukar syarat khas tanah;</li> <li>3. Permohonan menyambung tempoh pajakan tanah persendirian;</li> <li>4. Permohonan menggadai tanah persendirian;</li> <li>5. Permohonan pajakan tanah persendirian.</li> </ol>

4	PENGURUSAN HASIL TANAH – Pembukaan Kaunter Pembayaran pada setiap Hari Sabtu Petang Bagi Membantu Pengurangan Tunggakan hasil		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <p>Pengurangan tunggakan hasil [cukai Tanah] setiap tahun dari jumlah anggaran tertunggak setiap Tahun Kewangan / KPI: % pengurangan Tunggakan Hasil [cukai tanah] setiap Tahun Kewangan (\$9.06 juta [TK 2013/2014]; \$9.87 juta [TK 2014/2015] sebanyak 10%.</p>	<p>Berikutan sesi muzakarah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama Kementerian Pembangunan pada 19hb Januari 2015 di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan di mana salah satu isu tanah yang dibangkitkan adalah mengenai dengan waktu perkhidmatan kaunter pembayaran Pejabat Tanah tidak selaras dengan pejabat-pejabat yang lain, khususnya pada Hari Sabtu berbanding dengan kaunter pembayaran pejabat-pejabat lain.</p> <p>Sehubungan dengan itu, kaunter pembayaran di Pejabat-Pejabat Tanah Daerah telah pun dibuka setiap hari termasuk hari Sabtu petang di mana sebelumnya hari Sabtu petang, kaunter pembayaran ditutup. Perkhidmatan kaunter pembayaran dibuka pada Hari Sabtu adalah bagi memberikan peluang kepada pihak swasta untuk membuat sebarang pembayaran bagi permohonan tanah dan juga bagi mengimbangi waktu kaunter perkhidmatan yang telah dibuka setiap setiap hari bekerja di Bahagian Pendaftaran, Jabatan Tanah.</p> <p>Seterusnya, pembukaan kaunter ini dihasratkan untuk mengurangkan tunggakan kutipan hasil [cukai tanah] dan dijangka menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.</p>
5	Streamlining Proses Tukar Syarat Khas Tanah kepada Perumahan Am Bagi Keluasan Tanah Kurang Dari 1 Ekar.		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memendekkan masa proses permohonan</li> <li>2. Menjumlahkan tempoh masa mesyuarat</li> <li>3. Penyediaan Rang Kertas Majlis Menteri-Menteri Kabinet dan tidak membebaskan Penolong Pegawai Kerja kerana jumlah yang diterima tidak terkumpul.</li> <li>4. Memudahkan pemilik-pemilik tanah memajukan tanah dalam tempoh yang singkat.</li> </ol>	<p>Mengurangkan birokrasi serta mempercepatkan proses membuat keputusan dan penyampaian perkhidmatan.</p>
<b>JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA</b>					
6	Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK), Bahagian Pentadbiran dan Kewangan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Keselarasan format yang digunakan di setiap bahagian/cawangan dalam jabatan dan juga organisasi Kerajaan yang lain.</li> <li>2) Kefahaman dan pengetahuan aliran perjalanan proses kerja sesuatu kerja</li> <li>3) Ketepatan tempoh masa</li> <li>4) Memudahkan pemantauan</li> <li>5) Kemudahan rujukan bagi pegawai dan kakitangan baru</li> </ol>	<p>Projek ini adalah bagi mengemaskinikan kembali MPK yang telah disahkan oleh <i>Management Review Team</i> semasa membuat persediaan bagi mendapatkan pengiktirafan ISO 9001:2008 pada tahun 2009. Terdapat 2 buah MPK yang telah disahkan dan digunakan oleh bahagian ini iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. MPK (Pentadbiran dan Kewangan)</li> <li>2. MPK (Pengurusan Kewangan dan Kutipan Hasil)</li> </ol> <p>Walaupun MPK ini telah memenuhi keperluan ISO 9001:2008 tetapi bahagian ini perlu membuat pengemaskinian semula kerana ianya tidak selaras dengan format rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Maka usaha untuk mengemaskini balik (<i>review</i>) telah mula dibuat pada tahun 2015 dan kawalselia oleh Jawatankuasa Pemantauan TPOR dan MPK, JPBD.</p>
7	Projek maklumat Land Bank dan Mengemaskini Master Layer		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mengumpul maklumat tanah-tanah kerajaan yang masih kosong bagi tujuan pengenalpastian kawasan baru untuk dimajukan</li> <li>2) Mengemaskini kedudukan tapak-tapak serta kawasan pembangunan yang telah diperuntukkan dalam satu master layer.</li> <li>3) Menyediakan maklumat keluasan tanah (data perangkaan) yang telah diperuntukkan berdasarkan berbagai sektor bagi membantu dalam penyediaan kertas dasar / kertas kerja / KPI jabatan dan Kementerian Pembangunan</li> <li>4) Penggunaan GIS sebagai alat bantu dalam analisis perancangan.</li> </ol>	<p>Projek ini adalah satu projek untuk memantapkan pangkalan data khusus kepada status penggunaan tanah bagi seluruh Negara Brunei Darussalam melalui penggunaan <i>Geographical Information System</i> (GIS). Maklumat ini akan membantu Jabatan dalam mengenalpasti tanah-tanah kerajaan yang masih kosong bagi tujuan peruntukan tanah baru untuk kawasan perumahan, komersial, industri dan rekreasi. Ianya juga akan memudahkan Jabatan dalam mengenalpasti tapak-tapak <i>infill</i> bagi tapak-tapak gantian tanah lot-lot persendirian yang diambil balik kerana terlibat dengan projek kerajaan.</p>

8	Menghadapkan Cadangan Pelan Kemajuan bagi Permohonan Kebenaran Perancangan Secara Atas Talian ( <i>online</i> )		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <p>Memendekkan tempoh masa Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi perkhidmatan mengeluarkan kebenaran Perancangan daripada tempoh masa yang sedia ada.</p>	Sebagai langkah meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai khususnya dalam memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan kemajuan bangunan bagi mendapatkan Kebenaran Perancangan dimana penerimaan dan penelitian cadangan pelan kemajuan bagi permohonan Kebenaran Perancangan dibuat secara <i>online</i> .
9	Sistem eKP (Kebenaran Perancang)		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk memperbaiki pemberian perkhidmatan jabatan kepada pemohon iaitu orang ramai dan QPs</li> <li>• Mempercepatkan proses kebenaran Perancangan yang boleh menyumbang kepada pembaikan kedudukan Negara dalam <i>Ease of doing Business (EODB)</i> khususnya <i>Dealing with Constructions Permit (DWCP)</i></li> <li>• Memudahkan dan mengemaskini data yang diperlukan jika terdapat perubahan ke dalam sistem tersebut</li> <li>• Memudahkan pemantauan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan penyediaan statistik yang berkenaan bagi menilai <i>performace</i> jabatan.</li> <li>• Memudahkan kaedah pengurusan kerja dalam Jabatan</li> </ul>	Sistem ini direkapipta oleh kakitangan Bahagian Maklumat Perancangan secara <i>in house</i> dengan menggunakan <i>online web-based application</i> . Sistem <i>online</i> ini bukan saja untuk kegunaan warga JPBD dalam memproses permohonan kemajuan tanah dan bangunan untuk mendapatkan Kebenaran Perancangan, malah ianya juga digunapakai oleh pemohon khususnya QPs (Qualified Persons) untuk menghadapi permohonan kebenaran perancangan mereka secara <i>online</i> . Sistem ini berkeupayaan untuk memaklumkan pemohon status permohonan mereka melalui penghantaran SMS kepada QPs dan pemilik tanah yang berkenaan.
10	Skim Cadangan Pembaikan (SCP), Jabatan Perancang Bandar dan Desa		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai</li> <li>• Memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan bagi mengenalpasti masalah yang berkaitan dengan Jabatan dan seterusnya sama-sama menyumbangkan pendapat dan membuat cadangan pembaikan perkhidmatan Jabatan.</li> <li>• Membina rasa tanggungjawab pegawai dan kakitangan dalam sama-sama membangun dan mengembangkan jabatan.</li> <li>• Membiasakan dan membudayakan pegawai dan kakitangan mengatasi masalah yang kecil tanpa menunggu arahan dari pegawai atasan atau "tidak berat tulang dan tidak camah mata".</li> </ul>	<p>Projek ini adalah satu program yang memberi peluang kepada kakitangan yang berkenaan (Divisyen III ke bawah) untuk mengemukakan cadangan pembaikan yang merangkumi aspek pembaikan kualiti perkhidmatan, bidang tugas, persekitaran tempat bekerja, keselamatan dan sebagainya tanpa menyentuh dasar pentadbiran dan pengurusan kerajaan yang telah di tetapkan di dalam Peraturan Am (GO), Peraturan Kewangan (FR), surat-surat keliling dan arahan-arahan, kenaikan pangkat dan hal-hal peribadi. Dalam usaha memberi galakan kepada semua kakitangan yang berkenaan bagi menjayakan program ini, penghargaan atau inisiatif akan diberikan kepada peserta.</p> <p>Kriteria yang dinilai adalah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keaslian dan kebenaran cadangan</li> <li>2. Skop cadangan boleh digunapakai</li> <li>3. Pembaikan terhadap sekitar pekerjaan</li> <li>4. Pembaikan dalam kualiti hasil pelaksanaan</li> <li>5. Pengurangan kos setiap bulan</li> <li>6. Pembaikan dan keselamatan</li> <li>7. Pelaksanaan mengikut aliran kerja</li> <li>8. Pelaksanaan mengikut cara mudah</li> </ol> <p>Dalam Pelaksanaan program ini, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jawatankuasa Pandu - bertanggungjawab menetapkan sokongan gred bagi setiap Peserta</li> <li>2. Jawatankuasa Penilai - bertanggungjawab menilai setiap cadangan yang dihadapkan</li> <li>3. Jawatankuasa Penilaian - bertanggungjawab menerima borang cadangan dan menyampaikan kepada Urusetia.</li> </ol>
11	Sistem eMOS (Pemecahan dan Penyatuan Tanah) Peringkat Pertama)		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk memperbaiki pemberian perkhidmatan jabatan kepada pemohon iaitu orang ramai dan LLS</li> <li>• Memudahkan dan mengemaskini data yang diperlukan jika terdapat perubahan ke dalam sistem tersebut</li> <li>• Memudahkan pemantauan TPOR dan Statistik untuk memantau <i>performance</i> jabatan ini.</li> <li>• Memudahkan kaedah pengurusan kerja dalam jabatan ini.</li> </ul>	Sistem ini direkapipta oleh Pegawai di Bahagian Maklumat Perancangan (BMP) JPBD. Sistem yang direka secara <i>in house</i> ini adalah khusus menggunakan <i>online web based</i> . Buat masa ini sistem ini digunakan oleh pegawai dan kakitangan jabatan yang berkenaan untuk mendaftarkan permohonan pemecahan dan penyatuan tanah secara <i>online</i> . Permohonan pada lazimnya dihadapkan oleh <i>Licensed Land Surveyor (LLS)</i> ke Jabatan ini.

**JABATAN UKUR**

12	Penyediaan Perkhidmatan Online Yang Kemaskini dan Mudah Diakses		✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempastikan perkhidmatan 'online' yang di berikan oleh Jabatan Ukur berfungsi sepenuhnya tanpa ada gangguan 24/7.</li> <li>• Memudahkan orang awam berurusan secara 'online'</li> <li>• Sasaran KPI ialah 98% 'uptime' dan selebihnya 2% dianggarkan untuk Jabatan membuat pemeliharaan.</li> </ul>	<p>Salah satu peranan yang tersenarai dalam strategi Jabatan Ukur ialah menyediakan perkhidmatan 'online' yang berterusan. Pada masa ini Jabatan Ukur telah menambahbaikan 3 perkhidmatan kepada perkhidmatan 'onine' seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Geoportal Ukur : meaktifkan ' e-payment' bagi memudahkan orang awam membuat pembelian makumat secara 'online</li> <li>b) Geoportal Ukur : menambah lapisan 'master plan' sebagai lapisan tambahan ke dalam Geoportal. Ini memberikan maklumat tambahan untuk di layari oleh orang awam.</li> <li>c) Penomboran Rumah : digunakan oleh orang awam untuk memohon penomboran rumah secara 'online'.</li> </ul>
----	---	--	---	--	--